

0830

U B259 A A B
MAHATHIR - UMNO

KUALA LUMPUR, 4 NOV (BERNAMA) -- JENTERA PILIHAN RAYA UMNO SEDANG DALAM PROSES MEMPERSIAPKAN DIRI, TERMASUK POSTER DAN MANIFESTO UNTUK MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA SEMUA CAWANGAN DAN BAHAGIAN UMNO JUGA DALAM PROSES MEMPERSIAPKAN DIRI BAGI MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU TIDAK MAHU APABILA MASA PILIHAN RAYA UMUM SAMPAI NANTI, BAHARULAH UMNO HENDAK BERSLAP SEDIA MENGHADAPINYA.

+KITA HENDAK BUAT SEMUA PERSEDIAAN . . . POSTER, MANIFESTO . . . IA TIDAK SIAP LAGI TETAPI SEDANG DIUSAHAKAN+, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI IBU PEJABAT PARTI, DI MENARA DATUK ONN DI SINI HARI INI. -- LAGI
1936MST 04 11 89

0838

U B261 A A B
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI PARTI, HARI INI MEMUTUSKAN BAHAWA BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO YANG BERMASALAH, YANG TIDAK MENGADAKAN MESYUARAT PERUAKILAN MASING-MASING SEBELUM PERHIMPUNAN AGUNG PARTI TIDAK AKAN DIBENARKAN MENGHADIRI PERHIMPUNAN ITU PADA 17 DAN 18 NOV INI.

BAGAIMANAPUN, MAJLIS TERTINGGI PARTI TIDAK MENETAPKAN TARIKH TERAKHIR BAHAGIAN-BAHAGIAN YANG BERMASALAH ITU MESTI MENGADAKAN MESYUARAT PERUAKILAN MASING-MASING, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH BEBERAPA BAHAGIAN UMNO SUDAH DIATASI TERMASUK BAHAGIAN PASIR MAS, KELANTAN, MANAKALA MASALAH UMNO BAHAGIAN JOHOR BAHRU PULA SEDANG DISELESAIKAN,

MENGENAI MASALAH YANG DIHADAPI OLEH UMNO BAHAGIAN SUNGAI BENUT, JOHOR BELIAU BERKATA MAJLIS TERTINGGI PARTI MENYERAHKAN KEPADA TIMBALAN PERDANA MENTERI, YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN PARTI ENCIK GHAFAR BABA UNTUK DISELESAIKAN, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, MAJLIS TERTINGGI PARTI JUGA MENETAPKAN NAIB PRESIDEN UMNO ENCIK ANUAR IBRAHIM DAN DUA ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI PARTI, DATUK SERI SANUSI JUNID DAN DATUK SERI RAHIM THAMBY CHIK SEBAGAI UAKIL MAJLIS TERTINGGI KE PERHIMPUNAN AGUNG PERGERAKAN PEMUDA PADA 16 NOV.

MANAKALA ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN, DATUK KHALID YUNUS DAN DATUK KHALID ABDULLAH SEBAGAI UAKIL KE PERHIMPUNAN AGUNG PERGERAKAN UANITA UMNO, YANG JUGA DIADAKAN PADA 16 NOV. -- LAGI

2010MST 04 11 89

D839

U 8262 A A B
MAHATHIR - UMNO 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA, MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI PARTI YANG BERMESYUARAT HAMPIR TIGA JAM ITU, JUGA MENYAMBUK BAIK USAHA PERGERAKAN PEMUDA UMNO MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN BEKAS PERDANA MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN BAGI Mencari JALAN MENGURANGKAN PERPECAHAN DI KALANGAN ORANG MELAYU.

BELIAU BERKATA, UMNO TIDAK MAHU BERTENTANGAN DENGAN SESIAPA DAN ADALAH MENJADI HASRAT UMNO UNTUK MENGADAKAN PERBINCANGAN DENGAN SEMUA PIHAK BAGI MENCAPAI PERPADUAN; -- BERNAMA

2011MST 04 11 89